

Buletin



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Sya'ban 1447H/Januari 2026

ACIS

Siri 1 Fenomena Songsang: Cabaran Moral Masyarakat Moden

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

seperti normalisasi hubungan sejenis, budaya kandungan tanpa sempadan dan sikap menolak autoriti agama menjadi cabaran besar kepada masyarakat Islam. Dalam *Ethical Psychology Review* (2025), para penyelidik menegaskan bahawa paparan berterusan terhadap kandungan tidak bermoral di media sosial boleh mengubah cara manusia menilai baik dan buruk. Ia menjadikan perbuatan dosa kelihatan kecil, sementara perbuatan benar dianggap kolot dan mengongkang.

Bagi menghadapi dunia yang tidak sihat ini, umat Islam perlu kembali kepada dua kekuatan utama iaitu ilmu dan iman. Ilmu tanpa iman akan melahirkan manusia yang cerdas tetapi tidak berakhlak, manakala iman tanpa ilmu boleh menyebabkan seseorang mudah terpedaya dan jumud. Kedua-duanya perlu berjalan seiring supaya akal dapat berfungsi secara waras dan berpaksikan kebenaran wahyu.

Di samping itu, pendidikan moral dan agama di sekolah serta universiti perlu ditekankan semula dalam konteks semasa. Pembinaan karakter pelajar tidak boleh hanya berasaskan akademik, tetapi mesti disertai dengan pengukuhan nilai rohani dan etika digital. Ibu bapa, guru dan masyarakat harus memainkan peranan mendidik generasi muda agar berani berfikir tetapi tetap berpegang pada prinsip.

Masyarakat juga perlu menghidupkan kembali budaya menasihati dengan hikmah. Dalam dunia yang semakin individualistik, menegur dianggap mengganggu, menasihati dianggap menghakimi. Sedangkan dalam Islam, menasihati sesama insan ialah tanda kasih sayang. Akal yang sihat, lahir daripada hati yang lembut dan jiwa yang mahu menerima kebenaran.

Akhirnya, dalam dunia yang tidak lagi sihat, kita memerlukan manusia yang mampu berfikir secara waras, menilai dengan iman dan bertindak dengan hikmah. Dunia ini mungkin terus berubah dan menjadi semakin mencabar, tetapi selagi akal digunakan dengan berpandukan wahyu, kita tidak akan tersesat. Akal sihat akan terus menjadi cahaya yang memandu manusia menembusi kegelapan dunia yang sakit ini.

Rujukan

- Van Bavel, J. J., & Packer, D. J. (2024). Social Media and Morality. *Annual Review of Psychology*, 75, 341–369. <https://doi.org/10.1146/annurev-psych-032123-015732>
- Fomukong, M. C. (2024). The Impact of Social Media on Moral Values Among Young Adults in Cameroon Secondary Schools in the Centre Region. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, 8(4), 90–98.
- Ethical Psychology Review*. (2025). Morality in Social Media: A Scoping Review. Retrieved from <https://www.ethicalpsychology.com/>

Puisi: Cahaya dalam Kegelapan

Oleh:

Siti Nur Husna Abd Rahman

Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau.

Dalam dunia yang terang tanpa cahaya,
Manusia bersorak gembira di tepi jurang.
Teknologi megah di puncak minda,
Namun hati sunyi, hilang arah pandang.

Kita belajar tentang bintang dan langit,
Namun lupa membaca diri sendiri.
Kita mencipta mesin tanpa batas fikir,
Namun gagal mengawal nafsu dan hati.

Akal dikurnia untuk menimbang,
Bukan sekadar untuk berdebat dan menang.
Tetapi untuk mengenal Tuhan,
Dan membezakan benar dari bayang.

Dunia kini sakit tanpa luka,
Tersenyum di luar, hancur di jiwa.
Nilai moral rebah di kaki manusia,
Yang mengangkat salah atas nama kebebasan nyata.

Media sosial jadi pentas baharu,
Benar dan palsu berselirat di situ.
Yang salah diraikan, yang benar disisih,
Akal terikat dalam simpulan nafsu.

Di manakah suara hati yang waras?
Di manakah jiwa yang masih tenang?
Bila dosa dianggap sekadar gaya,
Dan pahala dipandang usang.

Bangkitlah wahai insan yang berfikir,
Gunakan akal sebelum ia terhijab.
Kembalilah kepada fitrah yang suci,
Agar dunia ini kembali sihat dan tegap.

Akal sihat bukan milik yang pandai,
Tetapi milik yang tunduk pada kebenaran.
Selagi wahyu jadi panduan,
Selagi itulah manusia punya harapan.